

**NO SOALAN :504**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS  
(TELOK KEMANG)**  
**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS [ TELOK KEMANG ]**  
minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah ada pelaburan KWSP dimana-mana tempat sama ada di dalam ataupun luar negara yang tidak memenuhi garis panduan pelaburan khususnya daripada aspek pulangan pelaburan minima 6-8 peratus seumpama pelaburan di Singapura pada tahun 2013 yang memberi pulangan yang rendah.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KWSP tiada pelaburan yang tidak memenuhi garis panduan pelaburan. Garis panduan pelaburan KWSP adalah spesifik bagi setiap kelas aset memandangkan risiko pelaburan berbeza mengikut kelas aset tersebut.

Sebagai contoh, bagi pelaburan dalam pasaran ekuiti tersenarai, di antara kriteria pemilihan sesuatu saham bagi pelaburan KWSP termasuklah kekuatan dan kestabilan kewangan syarikat, keuntungan yang berterusan serta pembayaran dividen pada kadar yang kompetitif dan konsisten dari tahun ke tahun. Pelaburan yang dibuat dipantau dari masa ke semasa bagi memastikan pelaburan memenuhi kriteria yang ditetapkan. Setakat ini, aset pelaburan KWSP menepati jangkaan pulangan jangka panjang bagi setiap kelas aset. KWSP sentiasa mencari peluang pelaburan di dalam aset yang berkualiti, mempunyai rekod prestasi yang baik dan berkeupayaan menjana pendapatan yang stabil bagi tujuan pengagihan dividen tahunan kepada ahli KWSP.

KWSP juga sentiasa mengamalkan dasar pelaburan yang berdisiplin dan berhemat, sejajar dengan peruntukan Seksyen 26 Akta KWSP 1991. Pelaburan KWSP melalui proses yang ketat bagi memastikan simpanan ahli-ahli terjamin. Berasaskan struktur tadbir urus korporat, keputusan-keputusan pelaburan yang dibuat perlu melalui Jawatankuasa Pengurusan Pelaburan dan Panel Pelaburan yang profesional merangkumi wakil-wakil dari Bank Negara Malaysia, Kementerian Kewangan dan ahli-ahli profesional industri. Berlandaskan tadbir urus korporat yang telus, dan garis panduan yang telah ditetapkan, KWSP dapat menjalankan tanggungjawabnya

dengan cekap dan teratur mengikut amalan terbaik industri.

Rangka kerja tadbir urus korporat pelaburan KWSP juga melibatkan Jawatankuasa Panel Risiko Pelaburan, Jawatankuasa Pengurusan Pelaburan dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko yang bertanggungjawab dalam pembangunan dan penguatkuasaan garis panduan pelaburan, strategi dan pemantauan keputusan pelaburan, perlaksanaan dan prestasi pelaburan. Laporan pelaburan KWSP juga diaudit oleh Jabatan Audit Dalaman bagi setiap suku tahun dan Jabatan Audit Negara bagi laporan tahunan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, laporan prestasi kewangan KWSP bagi setiap suku tahun disediakan berpandukan Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa dan dibentangkan ke parlimen dan tertakluk kepada penelitian oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) sebelum diluluskan.

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS**

**SOALAN : NO. 505**

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [ Telok Kemang ] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan :-**

- (a) adakah Kerajaan sedar terdapat kolej dan universiti swasta yang masih beroperasi walaupun telah tamat tempoh lesen operasi mereka; dan
- (b) menangani masalah kolej dan universiti swasta yang menawarkan program bekerja sambil belajar yang mengakibatkan visa pelajar disalahgunakan.

### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, EMGS telah mewujudkan satu mekanisme pemantauan dan pengurusan kemasukan pelajar antarabangsa ke IPT Malaysia dengan cekap dan berkesan melalui sistem *Students Application and Registration System* (STARS), sebuah aplikasi permohonan visa pelajar atas talian. EMGS secara konsisten dan terkini mampu menyalurkan maklumat kepada mana-mana agensi kawal selia yang berkenaan untuk rujukan dan tindakan dengan serta-merta. Peranan dan proses pengurusan di EMGS adalah berdasarkan pencegahan (preventive) dimana segala permohonan secara individu dan berkelompok (institusi) boleh dipantau untuk tujuan penguatkuasaan.

Sistem ini juga berupaya untuk menyaring institusi yang telah tamat tempoh perakuan pendaftaran institusi, kelulusan pengambilan pelajar antarabangsa, perakuan kursus yang diluluskan, perakuan kelulusan akreditasi penuh oleh Agensi Kelayakan Malaysia. Jika salah satu syarat tersebut tidak dipatuhi oleh institusi yang berdaftar, sistem STARS secara automatik akan menghalang institusi daripada membuat permohonan perekutan pelajar antarabangsa. Sistem STARS hanya membenarkan pihak institusi untuk merekut pelajar antarabangsa setelah institusi mengemukakan bukti secara rasmi kelulusan yang telah diperolehi daripada setiap agensi terbabit.

Pelajar antarabangsa adalah tidak digalakkan untuk bekerja semasa sedang mengikuti pengajian di institusi. Mereka seharusnya menumpukan sepenuh perhatian terhadap pengajian mereka dan menamatkan program yang diikuti mengikut tempoh kursus yang telah ditetapkan. Sekiranya pihak institusi ingin membenarkan pelajar mereka bekerja secara sambilan, pihak institusi perlu mematuhi syarat dan peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) seperti berikut;

- i. Semasa cuti panjang semester.
- ii. Bekerja secara sambilan sahaja (cuti semester/cuti perayaan/cuti lebih pada tujuh(7) hari) dan tempoh bekerja 20 jam seminggu.
- iii. Tempat-tempat yang dibenarkan bekerja adalah seperti di restoran, stesen minyak, pasar mini dan hotel tetapi tidak dibenarkan bekerja sebagai juruwang di empat (4) tempat tersebut.

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) juga melaksanakan pemantauan dan seliaan melalui Audit Pematuhan ke atas Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang berdaftar. Di bawah Seksyen 78, Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555) bagi PTS yang melanggar mana-mana syarat yang dikenakan di atas kelulusan penubuhan dan pendaftaran, boleh didenda tidak melebihi RM 50 ribu atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali. KPT juga turut membuat pemantauan di PTS yang mengambil pelajar antarabangsa bagi memastikan mereka tidak menyalahgunakan pas pelajar. Pada masa yang sama, aduan daripada orang awam turut diambil kira dalam menjalankan siasatan lanjut terhadap PTS yang disyaki melakukan kesalahan.

Walau bagaimanapun, sekiranya pelajar-pelajar didapati terlibat di dalam aktiviti-aktiviti yang menyalahi undang-undang setelah memasuki Malaysia dan mendapat stiker pas, ia akan tertakluk kepada SOP Agensi Penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Dalam Negeri dan JIM. Untuk maklumat lanjut, PDRM dan JIM boleh mengambil tindakan secara terus kepada IPT sekiranya didapati cuai di dalam proses mengurus dan memantau pelajar-pelajar antarabangsa yang berdaftar di PTS tersebut.